

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 01 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah tanah runtuh yang telah berlaku di Kuala Lumpur semasa musim hujan sepanjang tahun 2021 dan terutamanya antara 18 ke 19 Disember 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan kejadian hujan yang berterusan di Kuala Lumpur pada hujung tahun 2021 yang lalu, ia telah menyebabkan berlaku tanah runtuh di kawasan-kawasan yang bercerun curam. Sehingga 19 Januari 2022, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merekodkan sebanyak **108 aduan** berhubung tanah runtuh di sekitar Kuala Lumpur iaitu tanah runtuh yang berlaku di atas **tanah-tanah milik DBKL, Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) dan juga di atas tanah pemilikan persendirian.**

Pihak DBKL telah mengambil langkah awalan dengan memasang kanvas, membersihkan sisa runtuhan, meletakkan penghadang serta pita keselamatan bagi kesemua kawasan runtuhan.

Pihak DBKL telah melantik perunding kerujuteraan awam dan struktur yang berprestasi dan reputasi yang baik iaitu Tetuan IKRAM Sdn.Bhd. Skop kerja perunding IKRAM adalah menjalankan pemeriksaan dan kajian di tapak bencana untuk menyediakan cadangan rekabentuk bagi memastikan kestabilan cerun.

Daripada 108 lokasi tanah runtuh, sebanyak 52 lokasi telah dan sedang diambil tindakan pembaikan sementara dan kekal oleh DBKL. Manakala yang selebihnya melibatkan kawasan persendirian, DBKL telah mengeluarkan arahan kepada pemilik untuk membaiki cerun yang runtuh selaras dengan peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Antara kawasan bencana yang berlaku di kawasan tanah persendirian dimana kerja-kerja awalan yang telah dilaksanakan oleh DBKL adalah seperti berikut:

1. Sungai Penchala (Kampung Palimbayan)

- Kerja-kerja pembersihan di kawasan runtuh telah siap.
- Kerja-kerja pembinaan parit induk dan pembaikan kerja-kerja Jalan Palimbayan akan disiapkan pada bulan Mei 2022.

2. Kondominium Bangsar Indah

- kerja-kerja pembersihan dan formasi cerun telah siap untuk kerja-kerja pembaikan kekal dilaksanakan berdasarkan kepada cadangan teknikal daripada perunding IKRAM SDN.BHD yang dilantik oleh DBKL.

3. Kerja-kerja di Jalan Setiakasih Damansara

- Kerja-kerja membersihkan sisa-sisa runtuh *'Retaining Wall'* dan kerja-kerja baikpulih kerosakan parit induk telah siap dibina. Memandangkan cerun tersebut berada di dalam lot pemilik kerja-kerja baikpulih cerun perlu dilaksanakan oleh pemilik.

4. Kondominium Sri Duta

- kerja-kerja awalan dilaksanakan oleh DBKL seperti kerja-kerja pembersihan.
- Manakala kerja-kerja pembaikan sementara telah dilaksanakan oleh pihak pemaju.
- Untuk pembaikan kekal, pihak pemaju telah diminta untuk melantik perunding bebas memberi cadangan teknikal kekal supaya struktur bangunan stabil dan selamat diduduki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 01 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa jumlah rumah PPR atau Perumahan Awam (PA) yang tersedia untuk permohonan khusus di Wilayah Persekutuan dan lokasi projek-projek tersebut, berapa bilangan permohonan dalam senarai '*waiting list*' untuk rumah PPR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga Februari 2022, bilangan rumah yang tersedia untuk permohonan khusus adalah sebanyak 77 unit melibatkan 18 buah Projek Perumahan Rakyat (PPR)/ Perumahan Awam (PA) di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah yang masih dalam proses setakat ini adalah sebanyak 7,556 daripada keseluruhan 10,769 permohonan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB (MACHANG)**

TARIKH : 10 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB (MACHANG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan susulan daripada peristiwa banjir kilat yang melanda Lembah Klang hujung tahun ini, apakah Kementerian ada mengenal pasti mana-mana kawasan '*hotspot*' banjir kilat dan apakah langkah yang dilakukan Kementerian bagi memperketatkan lagi undang-undang berkait Environmental, Sosial and Governance (ESG) kepada semua sektor ekonomi yang beroperasi di wilayah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir kilat yang melanda di Lembah Klang pada hujung tahun 2021 yang lalu adalah disebabkan oleh hujan turun melebihi tempoh 24 jam dengan jumlah hujan melebihi 200mm yang biasanya turun untuk satu (1) bulan turun dalam masa satu (1) hari. Bacaan purata taburan hujan sebulan yang diperolehi pada hujung tahun lalu daripada beberapa stesen di Lembah Klang adalah seperti berikut:-

1.	Stesen Sentul	- 363mm/hari
2.	Gombak KM11	- 247mm/hari
3.	Jinjang	- 228mm/hari
4.	Sungai Bonus Jalan Tun Razak	- 243mm/hari
5.	Kolam Takungan Batu	- 234mm/hari
6.	JPS Wilayah	- 234mm/hari

Keamatan hujan dan isipadu air yang sangat tinggi menyebabkan sungai-sungai utama dan besar dibawah kawalan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak dapat menampung kapasiti air dan menyebabkan limpahan air di kawasan rendah di sepanjang sungai-sungai ini walaupun kesemua sistem amaran banjir seperti *Kuala Lumpur Flood Mitigation* (KLFM) telah diaktifkan oleh JPS. Tiga (3) sungai yang dimaksudkan adalah Sungai Klang, Sungai Gombak dan Sungai Batu.

Kawasan yang terjejas akibat daripada limpahan sungai di kawasan rendah seperti di Sungai Klang termasuklah kawasan di Kg. Periuk, Kg. Baru, Jalan Melaka, Jalan Raja Chulan, Masjid Jamek, Stesen LRT Masjid Jamek dan Kg. Pasir. Limpahan sungai di kawasan rendah seperti Sungai Gombak adalah di Jalan Rahmat, Lorong Tiong Nam, Jalan Ipoh, Jalan Batu-Bata, dan Dataran Merdeka dan limpahan sungai di kawasan rendah bagi Sungai Batu adalah di Kg. Kassipilay dan Jalan Kolam Air 3.

Strategi tebatan banjir adalah *multi pronged*. Ia termasuklah perlaksanaan bagi langkah jangka pendek dan jangka panjang. Sehubungan itu bagi **langkah jangka pendek**, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil banyak tindakan untuk menangani banjir kilat/takungan air, di antaranya adalah menaiktaraf longkang monsun, longkang tepi jalan dan pembetung yang kurang kapasiti, menambah *out- let* dan membina tembok banjir (*flood wall*) di kawasan mudah banjir.

Selain itu, penyelenggaraan berterusan aset tebatan banjir seperti di 32 buah rumah pam banjir, 25 buah kolam takungan banjir terbuka, 8 buah kolam tahanan di tapak (*On Site Detention*), 25 unit *Gross Pollutant Trap*, 119 unit *trash screen*, 19 unit *floating boom* dan mengorek kelodak di lapan buah sungai dan di sepuluh buah kolam untuk mengekalkan kapasiti hidraulik sistem perparitan.

Untuk **langkah jangka panjang**, DBKL akan melaksanakan projek mitigasi banjir berpandukan **Pelan Induk Pengurusan Air Ribut 2017** untuk 25 kawasan tadahan dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) mengikut keutamaan dan secara berperingkat. Bagi tahun 2022, sebanyak lima projek tebatan banjir telah selesai rekabentuk dan akan dilaksanakan di Kg. Periuk, Jalan Raja Chulan , Jalan Ipoh, Jalan Cheras, dan Taman Sri Rampai.

Tambahan pula, bagi pembangunan baru, DBKL memberi penekanan kepada pemaju untuk mengamalkan amalan pengurusan terbaik (BMPS) pada peringkat reka bentuk dan pembinaan yang digariskan dalam panduan **Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) 2**.

Selain daripada itu, DBKL juga telah mula memasang CCTV untuk memantau kawasan yang sering dilanda banjir kilat. Sebanyak 51 pemasangan CCTV telah dicadangkan dimana 13 CCTV telah dipasang dan yang selainnya dalam proses *configuration*. Sebanyak lima (5) lokasi juga telah dicadangkan untuk pemasangan siren bagi memberi amaran awal. Manakala pihak JPS akan memasang sebanyak 33 siren.

DBKL juga bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk strategi tebatan banjir infrastruktur besar bagi sungai-sungai utama yang mengalir melalui WPKL. JPS juga sedang menjalankan kajian keberkesanan *Kuala Lumpur Flood Mitigation* (KLFM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 10 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah Stadium Kuala Lumpur, Cheras terus dipajak kepada syarikat sdn. bhd yang tiada kena mengena dengan KLFA atau KL City FC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyewakan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur kepada Tetuan Arcadin Services Sdn Bhd iaitu syarikat yang **memiliki 50% saham dalam penswastaan pasukan KL United FC** untuk tempoh penyewaan selama **tiga (3) tahun mulai 1 Julai 2021 sehingga 30 Jun 2024** bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur dengan pulangan **kadar sewa kepada DBKL berjumlah RM25,000.00 sebulan.**

Melalui perjanjian penyewaan bertarikh 10 September 2021, pihak penyewa bertanggungjawab secara keseluruhan bagi perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur meliputi kerja - kerja pembersihan, kawalan keselamatan, penyelenggaraan padang, penyelenggaraan bangunan (termasuk awam, mekanikal, elektrik dan elektronik), pengurusan tempat letak kereta, promosi dan lain – lain.

Penyewaan ini **memberi keuntungan RM300,000 setahun kepada DBKL** dan lebih baik dari amalan sebelumnya di mana stadium diserahkan kepada KLFA dan DBKL **terpaksa membayar kos penyelenggaraan yang berjumlah RM1.78 juta (RM1,786,564) setahun kepada KLFA.**

Melalui perjanjian penyewaan bertarikh 10 September 2021 tersebut juga, terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa sekiranya pihak syarikat yang dilantik ini tidak lagi mempunyai apa – apa hak, faedah, kepentingan dan liabiliti di dalam penajaan pasukan bola sepak Kuala Lumpur *City Football Club* (KLCFC) maka Datuk Bandar berhak untuk menarik penyewaan tersebut dan perjanjian ini boleh ditamatkan secara serta-merta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 10 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG (LABIS) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan kawasan kolam takungan air (*retention pond*) yang terletak di Kuala Lumpur dan Lembah Klang telah dipajakan kepada syarikat swasta oleh Kerajaan untuk pembangunan atau projek komersial dan nyatakan nama-nama syarikat yang terlibat, jenis pembangunan dan harga tawarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya satu (1) kolam takungan sahaja yang dipajakkan kepada syarikat swasta iaitu Kolam Tasik Sri Murni di atas Lot 80241, Mukim Batu. Satu perjanjian konsesi diantara Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan JL99 Wonderland Park Sdn Bhd untuk diselenggara. Skop perjanjian konsesi ini merujuk kepada kerja – kerja mengurus dan menyelenggara kolam untuk tempoh bermula dari 28 Februari 2018 sehingga 28 Februari 2023 iaitu selama 5 tahun dengan pilihan lanjutan untuk tempoh 5 tahun lagi.

Kawasan tersebut telah dibangunkan dengan kemudahan sokongan beserta pengindahan landskap bagi tujuan taman rekreasi. Kos kerja-kerja penyelenggaraan adalah sebanyak RM700,000 sebulan dan segala kos ini ditanggung oleh syarikat sepenuhnya. Keluasan kawasan tasik ini adalah seluas 16.94 ekar dan kemudahan-kemudahan seperti zoo mini, air pancutan berirama dan cruise di sekitar tasik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

TARIKH : 10 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perancangan pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 yang akan merubah fizikal dan wajah asal Bandaraya Kuala Lumpur, apakah pendekatan holistik dan kelestarian alam sekitar yang akan diambil untuk menjadikan bandar raya kelas pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) disediakan dengan memfokuskan pendekatan secara holistik terhadap semua aspek pembangunan termasuk kelestarian alam sekitar bagi mencapai visi Kuala Lumpur Bandar untuk semua. Aspek kelestarian alam sekitar ini dinyatakan secara khusus dalam pembentukan 2 matlamat PSKL2040 iaitu:

- a) Matlamat 3: Sihat dan Vibran; dan
- b) Matlamat 4: Pintar Iklim dan Rendah Karbon.

Matlamat 3 menetapkan hala tuju dan tindakan ke arah memelihara aset biodiversiti di Kuala Lumpur dan menggalakkan gaya hidup bandar yang aktif dengan peningkatan kualiti alam sekitar dan penyediaan serta ruang hijau yang mudah diakses.

Sasaran utama Draf PSKL2040 adalah untuk mencapai nisbah tanah lapang 20 meter persegi bagi seorang penduduk menjelang tahun 2040. Sasaran ini akan lebih berdaya laksana dengan mempergiatkan penyediaan kawasan hijau secara vertikal.

Selain itu, Kuala Lumpur juga akan memastikan pemeliharaan 100% kawasan hutan sedia ada daripada sebarang rebakan pembangunan dan tukar guna aktiviti. Hutan merupakan aset bandar yang penting dan unik untuk dipelihara bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan biodiversiti Kuala Lumpur.

Sasaran lain bagi mencapai matlamat ini adalah untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 200km penghubung taman menjelang tahun 2040, meningkatkan liputan kanopi pokok melalui penanaman pokok dan meningkatkan akses kepada tanah lapang.

Matlamat 4 pula menetapkan hala tuju dan tindakan ke arah memperkukuhkan usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau bagi membentuk Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar global yang rendah karbon dan cekap dalam pengurusan sumber terutamanya dalam aspek pengurusan sisa pepejal, air dan tenaga serta aspek pengangkutan hijau.

Selaras dengan usaha ini, Draf PSKL2040 juga akan memastikan sasaran pengurangan intensiti karbon sebanyak 70% pada tahun 2030 dapat dicapai dan menjadi Bandar Neutral Karbon pada tahun 2050 berdasarkan KDNK per kapita. Dengan itu, penggunaan teknologi hijau, cekap karbon dan bersih perlu diterapkan dalam pembangunan dan perbandaran bagi menyokong aspirasi pembangunan mampan dan rendah karbon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berikutan negara dilanda pandemik dan PKP, ramai penjaja telah dibenarkan menjaja di tepi jalan raya yang menimbulkan masalah lalu lintas, apakah perancangan dan tindakan DBKL ke atas penjaja - penjaja lesen sementara dan usaha penempatan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tempoh Lesen Penjaja Lesen Sementara KL Prihatin bagi Inisiatif Wilayah Bebas Niaga telah dilanjutkan sehingga 6 bulan mulai Januari 2022 sehingga Jun 2022 dan tiada bayaran fi lesen dikenakan.

Pihak DBKL sentiasa memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya berkaitan dengan masalah yang melibatkan lalulintas, kebersihan dan sebagainya.

Bagi perancangan jangka panjang pihak DBKL akan memberi penempatan semula di lokasi yang dibenarkan adalah seperti berikut :-

- i. Pengisian di Pusat Penjaja dan Pasar Berbangunan sedia ada.
- ii. Pembinaan pusat penjaja yang baru.
- iii. Penyewaan bangunan komersil
- iv. Pengisian di Pasar Malam atau Pasar Terbuka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status pembangunan kawasan Sungai Baru, Kampong Bharu dan adakah Kerajaan akan terus menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil tanah yang tidak setuju untuk diberi kepada pemaju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita saya memaklumkan bahawa cadangan Projek Pembangunan Semula Kawasan Sungai Baru, Kuala Lumpur diteruskan bagi merealisasikan pembangunan semula dapat dilaksanakan agar kepentingan pemilik yang majoritinya telah bersetuju diambil kira.

Pada masa kini, perolehan tanah bagi pemilik yang tidak menandatangani perjanjian usaha sama sedang dilaksanakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTG WPKL). Akta Pengambilan Tanah, 1960 (APT, 1960) digunapakai berdasarkan Dasar KWP mengikut Garis Panduan Pembaharuan Semula Pembangunan di Kuala Lumpur, sekiranya peratusan persetujuan awal antara pemilik dan pemaju mencapai sekurang-kurangnya 50%.

Akta ini, membenarkan Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil mana-mana tanah bagi tujuan pembangunan ekonomi Malaysia namun prinsip hak kepada harta hendaklah dipatuhi.

Berdasarkan tawaran usaha sama pemaju, sejumlah **219 lot teres dan unit flat** iaitu 66.77% yang **melibatkan 27 lot teres dan 192 unit flat telah bersetuju** menandatangani perjanjian usaha sama. Manakala perolehan tanah bagi baki **109 lot teres dan unit flat** iaitu 33.23% yang melibatkan **37 lot teres dan 72 unit flat** yang **tidak menandatangani** perjanjian usaha sama telah dilaksanakan menggunakan Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Berdasarkan maklumat dari JKPTG WPKL, Proses Pengambilan Tanah untuk 72 unit flat telah selesai dan di award pampasan. Pampasan dimaksudkan adalah bernilai RM203,000 hingga RM325,000 per petak dengan mengambilkira faktor-faktor seperti berikut:

1. Keluasan petak rumah;
2. Kos pengubahsuaian dan pembaikan rumah;
3. Kedudukan tingkat rumah; dan
4. Kos pindah.

Daripada 72 unit flat, 13 unit daripadanya telah mengemukakan borang bantahan, Borang N, Akta Pengambilan Tanah, 1960 kepada JKPTG WPKL. Pengambilan tanah bagi baki 37 lot teres dan 1 lot pencawang elektrik ditangguhkan sementara sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Pihak pemaju telah menyediakan satu tawaran baharu yang dinamakan Pakej Harmoni kepada pemilik unit flat yang telah diputuskan jumlah pampasan oleh JKPTG WPKL pada sesi siasatan pengambilan tanah.

Pada perjumpaan 10 Februari 2022 lalu, pemilik lot teres telah memohon agar jumlah pampasan pengambilan tanah yang setimpal dan adil diberikan. Walau bagaimanapun, penentuan jumlah pampasan pengambilan tanah dibuat oleh JKPTG WPKL berdasarkan Jadual Pertama kepada Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Kementerian juga telah memohon pemaju untuk menimbang dan mengkaji semula tawaran atau pakej yang lebih baik untuk diberikan kepada pemilik rumah teres yang terlibat dengan pengambilan tanah sekiranya mereka ingin menyertai semula pembangunan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini dan butiran terperinci rancangan pembangunan ke atas enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur yang diluluskan pemberimilikan bagi tujuan pembangunan seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada enam (6) kolam takungan banjir yang dimaksudkan, hanya dua (2) kolam sahaja yang diberi kelulusan merancang, iaitu Kolam Taman Wahyu dan Kolam Delima pada 18.1. 2018. Baki empat (4) kolam tiada kebenaran merancang yang diberikan.

Tanah-tanah di pinggiran kolam bagi enam (6) kolam tersebut adalah Kolam Takungan Batu, Kolam Nanyang, Kolam Delima, Kolam Taman Wahyu, Kolam Batu 4 ½ dan Kolam Desa.

Pada masa ini, isu berkenaan masih dalam siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas kedua-dua kolam, Kolam Delima dan Kolam Taman Wahyu dan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak boleh mengeluarkan sebarang kenyataan kerana ianya boleh mengganggu proses siasatan.

Walau bagaimanapun, sebagaimana diarahkan oleh pihak SPRM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) **telah melantik Perunding Juruukur Berlesen Bebas (IGS Consultant) untuk menyemak dan mengesahkan sama ada pembangunan yang dilaksanakan oleh pemaju, iaitu Lake City North KL Sdn. Bhd. berada dalam sempadan pemilikannya sahaja dan tidak memasuki dua (2) kolam takungan banjir, iaitu Kolam Taman Wahyu dan Kolam Delima.** Kerja-kerja pengukuran kedua-dua kolam ini telah mula dilakukan pada 13 Januari 2022. Laporan yang disediakan oleh Perunding Juurukur berkenaan telah dikemukakan kepada SPRM pada 31 Januari 2022.

Sebarang pembangunan di kawasan sekitar keenam-enam kolam berkenaan tidak akan menjejaskan fungsi dan kapasiti kolam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)**

TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD (SETIAWANGSA) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tentang kesiapsiagaan Kuala Lumpur berhadapan dengan kesan iklim yang semakin ekstrem termasuk banjir dan tanah runtuh dalam tempoh 20 tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memastikan kesiapsiagaan menjadi hal utama di dalam menghadapi perubahan iklim yang semakin ekstrem. DBKL telah mengambil tiga (3) pendekatan dalam memastikan isu banjir dan tanah runtuh di Kuala Lumpur dapat diatasi dengan berkesan iaitu **tindakan serta-merta, jangka pendek dan jangka panjang**.

1. TINDAKAN SERTA-MERTA

Banjir

- i. Pihak DBKL akan mengambil tindakan segera bagi membersihkan halangan dalam saluran ke longkang tepi jalan jika berlakunya banjir.
- ii. Pengurusan trafik semasa berlakunya banjir, dikawal oleh pihak DBKL dengan bantuan PDRM, JPS, BOMBA, JKM dan APM untuk melancarkan trafik.
- iii. DBKL juga membuat pemantauan melalui CCTV yang dipasang di sekitar Kuala Lumpur melalui *Kuala Lumpur Command and Control Center* untuk memantau dan mengenalpasti lokasi-lokasi yang terlibat dengan banjir untuk menghantar bantuan awal. Sebanyak 4,000 unit CCTV telah dipasang, dan sehingga Jun akan siap dipasang tambahan 1,000 unit.
- iv. Pusat Pemindahan Sementara akan dibuka di kawasan yang memerlukan.

Tanah Runtuh

- i. Melaksanakan tindakan awalan melalui pembersihan sisa runtuh bagi semua runtuh termasuk kawasan persendirian untuk kawalan keselamatan. Bagi kawasan persendirian, kerja pembaikan pasca pembersihan akan dilakukan oleh pemilik tanah sendiri.
- ii. Memasang plastik kanvas bagi cerun yang terdedah.
- iii. Menutup/Membuat lencongan trafik (mengikut keperluan).
- iv. Mengepung kawasan runtuh (*Plastic barrier/ Concrete barrier/ Tape*).
- v. Membina lencongan aliran air sementara untuk mengelakkan aliran air memasuki kawasan runtuh.

2. JANGKA MASA PENDEK

Sebagai pendekatan **jangka masa pendek**, **DBKL melaksanakan aktiviti** seperti berikut:

Banjir

- i. Menaiktaraf longkang monsun, longkang tepi jalan dan pembentung.
- ii. Menambah dan membesarkan saluran longkang di tepi jalan.
- iii. Membina tembok banjir (*flood wall*) di kawasan rendah sepanjang sungai.
- iv. Selain itu, penambahbaikan kepada aktiviti penyelenggaraan berkala aset tebatan banjir :

ASET DBKL	SEBELUM	TERKINI
<i>Gross Pollutant Trap</i>	3 kali seminggu	5-7 kali seminggu (bergantung lokasi)
<i>Trash Screen</i>	3 kali seminggu	5-7 kali seminggu (bergantung lokasi)

**TATACARA ATAU SYARAT KELULUSAN KEBENARAN
MERANCANG DI KUALA LUMPUR BAGI MENGELAKKAN
BANJIR**

Bagi memastikan pembangunan yang terancang supaya bencana banjir dapat dielakkan, wakil JPS WPKL telah dilantik sebagai ahli tetap Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) DBKL dan telah mula hadir mesyuarat JKPS pada 24.11.2020.

DBKL telah menjadikan syarat kelulusan JPS WPKL sebagai syarat wajib dalam setiap kelulusan Perintah Pembangunan (*Development Order – DO*)

DBKL ada menetapkan syarat Perintah Pembangunan (*Development Order – DO*) kepada pemaju untuk mematuhi keperluan penyediaan infrastruktur yang lengkap. Diantaranya Laporan TIA (*Traffic Impact Assessment*) dibawah Jabatan Perancangan Infrastuktur DBKL dan EIA (*Environment Impact Assessment*) di bawah Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU)

TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa bilangan keseluruhan gelandangan yang berada di Kuala Lumpur dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membantu mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) sentiasa **komited** dalam usaha **menyelamat** dan **mentransformasikan** golongan gelandangan di ibu kota dengan hasrat supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Merujuk kepada bilangan keseluruhan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada tahun 2021 anggaran seramai 700 hingga 900 orang gelandangan telah dikenalpasti melalui rekod keluar masuk gelandangan yang menginap di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, pendaftaran gelandangan semasa agihan makanan dan bantuan di Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tunku serta operasi menyelamat dijalankan oleh DBKL dengan kerjasama daripada beberapa Agensi/Jabatan lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Inisiatif menyelamat gelandangan yang dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan adalah sejajar dengan matlamat yang ditetapkan dalam *Matlamat Pembangunan Mampan* (SDG) bagi memastikan kumpulan gelandangan juga mempunyai akses kepada tempat perlindungan sementara dan makanan.

Selain penyediaan akses kepada tempat perlindungan sementara dan makanan, usaha menyelamatkan gelandangan diteruskan melalui program pembangunan bina upaya di Pusat Transformasi Gelandangan atau dikenali sebagai Anjung Kelana di Taman Desa, Kuala Lumpur yang diselaras dan dilaksanakan membina pembangunan sahsiah diri dengan menjalani latihan **kemahiran tambahan** bagi memastikan mereka dapat kembali kepada masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi. Antara program yang dilaksanakan seperti **program asas pertanian, percetakan, kraftangan dan urutan refleksologi**.

Selain daripada itu, **Kementerian dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja dan PERKESO** telah mengambil inisiatif untuk **bekerjasama** dengan **syarikat-syarikat swasta** dan **menawarkan** peluang **pekerjaan** kepada **gelandangan** untuk bekerja dalam **sektor perkilangan, pembuatan, makanan, peruncitan dan perkhidmatan** melalui **Program Penempatan Pekerjaan**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)
DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN
MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

- (a) jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Kementerian daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk mangsa banjir di Kuala Lumpur; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada mangsa banjir di Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, jumlah peruntukan bagi Bantuan Wang Ihsan (BWI) mangsa bencana yang terjejas akibat Monsun Timur Laut (MTL) bagi tahun 2021/2022 yang telah diterima oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) adalah sebanyak RM1,775,000.00. Peruntukan ini bagi pembayaran BWI kepada 1,775 Ketua Isi Rumah (KIR) di tujuh (7) kawasan Parlimen Kuala Lumpur yang terjejas akibat bencana banjir pada penghujung tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan permohonan menukar nama ketua penyewa unit rumah pangsa/PPR bila penyewa asal meninggal dunia ditolak kerana pasangan bukan warganegara meskipun anak-anak adalah warganegara Malaysia dan adakah DBKL akan mengubah dasar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan permohonan yang diterima sepanjang tahun 2021, sebanyak 21 permohonan telah ditolak kerana pasangan Ketua Penyewa adalah bukan warganegara Malaysia. Dasar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menetapkan "sekiranya didapati pasangan penyewa adalah bukan warga negara, perjanjian penyewaannya boleh ditamatkan, walaupun penyewa adalah berstatus warganegara dan masih hidup".

Rumah sewa Perumahan Awam (PA)/ Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL adalah dikhaskan kepada pemohon bertaraf warganegara Malaysia sahaja. Oleh yang demikian, pemohon atau pasangan bukan warganegara Malaysia tidak layak menyewa di PA / PPR DBKL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)
DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L
SUBRAMANIAM (SUNGAI SIPUT)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM (SUNGAI SIPUT) minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan jumlah lesen penjaja DBKL dan rumah PPR yang telah diberikan kepada kaum India dari tahun 2018 - 2022 mengikut kelayakan mereka. Nyatakan kelayakan atau syarat-syarat yang ditetapkan oleh KWP untuk memohon lesen penjaja dan rumah PPR.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, sepanjang tempoh tahun 2018 hingga 2022 sebanyak 7,755 lesen penaja telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada kaum India dimana syarat bagi permohonan lesen penaja adalah warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.

Manakala bagi Perumahan Awam (PA) atau Projek Perumahan Rakyat (PPR) pula sebanyak 291 buah rumah telah ditawarkan kepada kaum India dari tahun 2018 hingga 2022 di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Permohonan PA/ PPR adalah berdasarkan syarat-syarat minimum seperti berikut:

- i. Suami isteri adalah warganegara Malaysia;
- ii. Telah berkahwin;
- iii. Pendapatan terkumpul suami/isteri hendaklah;
 - a. Tidak melebihi RM3,000.00 untuk Kos Rendah
 - b. Tidak melebihi RM4,000.00 untuk Kos Sederhana
- iv. Pemohon hendaklah tinggal atau bekerja di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- v. Tidak mempunyai rumah atau tanah dalam lingkungan 35km dari pusat bandar dan berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Komuniti & Kesejahteraan Bandar DBKL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG (KEPONG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sifar miskin tegar. Di manakah lokasi-lokasi pembinaan 5 ribu '*council home*' yang baru dengan keluasan minimum 750 kaki persegi dan syarat-syarat permohonannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) amat prihatin terhadap isu kemiskinan bandar yang berlaku di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Isu ini semakin kritikal apabila negara dilanda pandemik COVID-19. Rentetan itu, semakin ramai warga Wilayah Persekutuan yang terkesan sama ada dari segi kehilangan pekerjaan atau pendapatan, pengurangan pendapatan dan peningkatan kos kehidupan akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

Justeru itu, usaha pembasmian kemiskinan tegar ini melibatkan KWP bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), akademik dan juga pertubuhan bukan Kerajaan. Ia akan dilaksanakan secara berfasa melalui pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Fasa Pertama yang akan bermula pada Mac 2022 melibatkan PPR Kerinchi, PPR Desa Rejang dan PPR Kg. Muhibbah sebagai lokaliti rintis yang dipilih oleh EPU, JPM. Lokasi-lokasi ini dipilih adalah berdasarkan jumlah miskin tegar yang tertinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pelbagai inisiatif dirangka bagi program pembasmian kemiskinan ini. Antaranya adalah kerjasama dengan PERKESO dalam penajaan pekerjaan dan program pembangunan keusahawanan.

Usahasama bersama PERKESO melibatkan temu duga oleh syarikat-syarikat swasta yang dikenal pasti oleh PERKESO di lokasi-lokasi PPR DBKL. Program ini bertujuan memberi peluang pekerjaan kepada penghuni di lokaliti yang disasarkan supaya dapat meringankan beban isi rumah penghuni serta dapat ditawarkan pekerjaan yang berdekatan dengan tempat kediaman masing-masing.

Melalui program keusahawanan sosial iaitu jahitan kreatif, peserta bukan sahaja dilatih untuk membuat jahitan seni kreatif seperti membuat *tote bag*, pelitup muka, *soft toys* dan pelbagai jenis produk jahitan lain, malahan peserta turut dibekalkan kit permulaan bagi memulakan perniagaan iaitu sebuah mesin jahit beserta bahan serta alatan jahitan yang berkaitan. Berdasarkan rekod, KWP mendapati program usahawan komuniti ini telah berjaya membuka peluang kepada para usahawan menjana pendapatan untuk membantu keluarga dengan menjalankan operasi perniagaan mereka tanpa perlu meninggalkan rumah masing-masing. Malah, ada di kalangan usahawan ini yang berjaya meningkatkan kemahiran mereka dengan mengeluarkan pelbagai produk seni jahitan kreatif dan meraih purata jualan di antara RM300.00 hingga RM2,000.00 sebulan.

Untuk makluman juga, dalam usaha kerajaan bagi meringankan kos sara hidup di Kuala Lumpur, DBKL akan membina sebanyak 5,000 buah rumah *Council Home* di sekitar Kuala Lumpur di mana sehingga Februari 2022 sebanyak lima (5) tapak telah dikenalpasti untuk pembinaan tersebut. Lima (5) tapak tersebut adalah :

- i. Di Sungai Udang sebanyak 897 unit dengan keluasan 807 kaki persegi. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada April 2022;
- ii. Di Jalan Selimang, Cheras sebanyak 702 unit berkeluasan 760 kaki persegi (dalam perancangan);
- iii. Di Desa Tasik sebanyak anggaran 1000-unit berkeluasan 800 kaki persegi (dalam perancangan);
- iv. Di Bandar Baru Sentul sebanyak 168-unit berkeluasan 750 kaki persegi (dalam perancangan); dan
- v. Di Jalan Tasik Permaisuri sebanyak 204-unit berkeluasan 775 kaki persegi (dalam perancangan).

Tujuan utama pembangunan *Council Home* adalah bagi membantu golongan B40 sebagai transit sebelum mereka mampu memiliki rumah sendiri dan syarat – syarat permohonan adalah

seperti berikut:

- i. Terbuka kepada warganegara Malaysia (pemohon atau pasangan sekiranya telah berkahwin);
- ii. Berusia 18 tahun dan ke atas;
- iii. Keutaman diberikan kepada pemohon yang telah berkeluarga atau balu/duda/bujang yang mempunyai tanggungan;
- iv. Tidak memiliki kediaman di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- v. Bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- vi. Pendapatan isi rumah terkumpul RM3,000 hingga RM10,000 sebulan;
- vii. Tiada rekod jenayah;
- viii. Tidak disenarai hitam/bankrupt; dan
- ix. Pemohon tidak boleh menuntut sebarang kos untuk pindah masuk/keluar daripada DBKL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG (KEPONG) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci projek pembangunan semula di tapak flat PKNS Jalan Tun Razak di Kampong Bharu, Kuala Lumpur oleh syarikat Jiankun International Bhd. Adakah projek tersebut telah diberi kebenaran oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya menjawab soalan daripada YB Kepong berkaitan projek Pembangunan Semula di Tapak Flat PKNS Jalan Tun Razak, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.

Selari dengan konsep pembangunan secara organik, PKB giat mempromosikan blok-blok pembangunan berpotensi kepada syarikat GLC dan pemaju swasta. Kawasan Flat PKNS Jalan Tun Razak berkeluasan 3.69 ekar yang terletak di dalam Blok Pembangunan BP-B4 yang lokasinya terletak di luar kawasan Malay Agricultural Settlement (MAS) merupakan salah sebuah tapak yang berpotensi untuk pembangunan semula. Kawasan perumahan yang dibina sekitar tahun 1969 an ini berusia 53 tahun dilihat memerlukan perubahan fizikal kearah pembangunan yang mempunyai nilai tambah kepada persekitaran yang lebih kondusif kepada pemilik flat untuk kehidupan yang lebih berkualiti.

PKB telah menerima surat niat cadangan pembangunan semula untuk tapak Flat PKNS Jalan Tun Razak dari Menara Rezeki Sdn Bhd. Projek ini masih diperingkat tawaran dan perbincangan bersama pemilik flat PKNS dan pihak yang berkepentingan.

PKB dimaklumkan, berhubung dengan penglibatan Jiankun International Bhd Hasrat adalah usaha sama bersama oleh Menara Rezeki Sdn Bhd melalui penubuhan syarikat (SPV) Menara Rezeki Properties Sdn Bhd untuk membangunkan semula Flat PKNS Jalan Tun Razak.

Projek ini juga dalam proses perbincangan untuk mendapatkan persetujuan daripada pihak-pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai kos guaman dan kos-kos lain yang perlu dibayar oleh DBKL untuk cadangan pembangunan di Taman Rimba Kiara yang melibatkan Yayasan Wilayah Persekutuan serta pemaju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes Taman Rimba telah dimulakan oleh penduduk-penduduk di sekitar Taman Rimba Kiara, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 2017 bagi membatalkan kebenaran perancangan yang telah diberikan oleh Datuk Bandar berkenaan dengan **Cadangan Pembangunan 1 Blok Pangsapuri Mampu Milik 29 Tingkat (350 unit) dan 8 Blok Pangsapuri Servis 42-54 Tingkat** di atas sebahagian Lot PT9244, Jalan Tun Mohd. Fuad, Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kos guaman yang telah ditanggung oleh DBKL bagi mengendalikan kes pembelaan DBKL terhadap permohonan mahkamah yang dimulakan oleh penduduk-penduduk tersebut adalah seperti yang berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Permohonan Semakan Kehakiman No. WA-25-210-08/2017 - Pendengaran permohonan pembatalan nama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur daripada prosiding Semakan Kehakiman.	RM65,607.80 (2018)
2.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Permohonan Semakan Kehakiman No. WA-25-210-08/2017 - Pendengaran substantif permohonan penduduk	RM267,516.00 (2019)

Bil.	Perkara	Jumlah
3.	Mahkamah Rayuan Malaysia No. Rayuan W-01(A)-712-12/2018 - Pendengaran permohonan rayuan oleh penduduk terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.	RM433,446.00 (2021)
4.	Mahkamah Persekutuan Malaysia Permohonan No: 08(f)-47-02/2021(W) - Pendengaran permohonan kebenaran (<i>leave</i>) merayu oleh DBKL terhadap keputusan Mahkamah Rayuan	RM339,841.50 (2021)

Pihak DBKL perlu menanggung kos guaman sedemikian adalah kerana walaupun Mahkamah Tinggi pada tahun 2018 telah memutuskan bahawa permohonan Semakan Kehakiman penduduk-penduduk ditolak, namun penduduk-penduduk yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan.

Sehingga kini kes tersebut masih lagi berjalan di Mahkamah Persekutuan bagi memutuskan isu-isu perundangan yang telah dirayu oleh pihak DBKL terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 2021 yang telah membenarkan permohonan penduduk-penduduk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini dan butiran cadangan membina Jalan Segambut dari jambatan KTM hingga ke Jalan Mont Kiara (termasuk tempoh masa dan '*timeline*') serta projek-projek penyelesaian masalah trafik yang lain oleh DBKL di kawasan Parlimen Segambut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pembinaan Jalan Segambut dari jambatan KTM sehingga ke Mont Kiara terbahagi kepada empat (4) fasa. Sehingga kini, Fasa 1 dan Fasa 4 telahpun siap, manakala Fasa 2 masih dalam pembinaan dan Fasa 3 masih di peringkat perancangan rekabentuk. Status dan perincian mengenai keempat-empat fasa tersebut adalah seperti berikut:

Fasa 1 – dari Jambatan KTM sehingga ke Persimpangan Taman SPPK telah siap dibina pada 2014.

Fasa 4 – dari Jalan Desa Kiara ke Lot 1887 & Lot 53367 (berdekatan dengan Sefina) telah siap dibina pada 2019.

Fasa 2 – dari Persimpangan Taman SPPK hingga ke Jalan Lang Emas / Petron North Kiara sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada Jun 2023.

Fasa 3 – dari Petron North Kiara sehingga ke Lot 1887 & Lot 53367 masih dalam perancangan rekabentuk.

Dalam menyiapkan pembinaan jalan ini, terdapat beberapa isu dan halangan yang dihadapi kerana ianya melibatkan beberapa faktor seperti berikut:

- i. pengambilan tanah yang banyak;
- ii. *underground & overhead utility* (TNB, AIS, TM, GAS dan kabel – kabel Telco yang lain)
- iii. koordinasi bersama pihak MRT (*Line 3*)
- iv. koordinasi bersama pemaju bagi lot – lot pembangunan bersebelahan dengan akses keluar masuk adalah dari jajaran

Projek Jalan Segambut.

Bagi projek-projek penyelesaian masalah trafik Mont Kiara yang lain, ianya masih dalam perancangan dan melibatkan pengambilan tanah, kelulusan pihak berwajib iaitu dari Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak utiliti.

Sekian, terima kasih.